

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah

Baca "Pantun Budi" (halaman 10 - 11) dalam Antologi Baik Budi, Indah Bahasa, Tingkatan 2, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

... Tempat raja membangun kota

- 11 Maksud rangkai kata *membangun kota* yang terdapat dalam baris pantun di atas ialah
- A membina pasar
 - B memajukan negeri
 - C mendirikan bandar
 - D menaikkan bangunan

Indah tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana bahasa.

- 12 Kata-kata hikmat yang sesuai dengan baris pantun ialah
- A ilmu pelita hidup
 - B membaca jambatan ilmu
 - C hidup ini satu perlumbaan
 - D hilang bahasa lenyaplah bangsa

Padang Temu padang baiduri ...

- 13 Gaya bahasa yang digunakan dalam baris sajak di atas ialah
- A repetisi
 - B inversi
 - C metafora
 - D personifikasi
- 14 Berdasarkan rangkap keempat pantun ini, yang berikut akan terjadi apabila masyarakat mengutamakan harta benda berbanding dengan budi bahasa, **kecuali**
- A masyarakat tidak mengamalkan sikap terpuji
 - B rakyat Malaysia akan sibuk mencari kekayaan
 - C tidak wujud sikap saling menghormati antara satu sama lain
 - D masyarakat akan dipandang tinggi jika mengamalkan budi bahasa
- 15 Pengajaran yang berikut terdapat dalam pantun tersebut, **kecuali**
- A kita janganlah terlalu taasub akan kebendaan dalam kehidupan
 - B kita mestilah mengutamakan budi dan bahasa dalam kehidupan
 - C kita mestilah menghargai jasa atau kebaikan yang telah diterima
 - D kita hendaklah memandang rendah kepada orang yang tidak berbudi